



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 13 OKTOBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	PERLUAS KAWASAN TANAMAN PADI, NASIONAL, BH -25 GOVT HAS NOT REVOKED BERNAS CONCESSION AGGREMENT, NATION, CHINA PRESS -A6 KPKM SAHKAN KERAJAAN BATAL KONSESI BERNAS, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -3 MAT SABU: JUALAN AGRO MADANI TO BE EXPANDED, NATION, SIN CHEW DAILY -15 PELUASAN JUALAN AGRO MADANI ANTA DIBINCANG MESYUARAT DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE TAMBAH KAWASAN PENANAMAN PADI DI NS, NEGARA, KOSMO -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	1,200 PESAWAH TERJEAS KERANA MASALAH JADUAL PELEPASAN AIR, NEGARA, KOSMO -14 MOVE TO EXPAND PADI CULTIVATION, NEWS, THE SUN -3 NEGRI GOVT IDENTIFIES 20ha PLOT IN GEMAS TO PLANT PADI, NATION, THE STAR -6 PETANI KECEWA JADUAL LEPAS AIR, TANAM PADI TIDAK SERAGAM, DALAM NEGERI, UM -32 SWASTA DIPELAWA SERTAI PROJEK IPR-INTAN, NASIONAL, BH -24 MENYEMAI INISIATIF KETERJAMINAN MAKANAN YANG LEBIH DINAMIK, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sidang DUN Negeri Sembilan

Perluas kawasan tanaman padi

Seremban: Seluas 20 hektar tanah terbiar di Kampung Londah, Gemas, Tampin, dekat sini, akan dijadikan kawasan tanaman padi yang baru di Negeri Sembilan.

EXCO Kanan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertindak Pertanian, Keberjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata langkah itu diambil sebagai usaha jangka panjang dalam menangani isu

kekurangan beras. Katanya, sebelum ini, beberapa langkah jangka panjang sudah diambil, terutama dari segi pembangunan tanah sawah yang merangkumi pemberian infrastruktur ladang, sistem pengairan, peralatan tanah dan program peningkatan hasil padi.

“Bagi memenuhi keperluan masa hadapan, kita berhasrat memulihkan kawasan sawah terbiar seluas 20 hektar di Kampung Lon-

dah bagi tanaman padi,” katanya pada sesi pertanyaan lisan, Persidangan Kedua (Peraasmian) Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Mohamad Hanif Abu Baker (PN-Labu) mengenai perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang berkaitan usaha menanam padi untuk menambah bekalan beras di negeri ini.

Headline	Govt has not revoked Bernas' concession agreement		
MediaTitle	China Press		
Date	13 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	77 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,519
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,557



**沒撤回
BERNAS
特許經營權**

(布城12日讯)农业及食品安全部证实，政府没有撤回或解除国家稻米公司（BERNAS）直至2031年1月10日届满的10年特许经营权合约。

农业部今日发文告否认WhatsApp疯传，指该公司的执照被撤销的说法，强调已就此事向大马通讯及多媒体委员会（MCMC）投报，以便能展开详细调查。

“农业部劝请民众不要相信有关虚假信息，并且需要停止散播虚假信息的行为。”

2020年12月3日，政府宣布与国家稻米公司签署合约，延长该公司作为国家唯一稻米进口商的10年特许经营权合约，由2021年1月11日至2031年1月10日。

针对没有展开执法行动的指控，农业部强调，本地米行动综合行动（OP BPT）在进行中，至今已查封了两家工厂，并在1994年稻米及白米管制法令下展开调查。

有关行动于8月16日展开，并由农业部副部长陈泓谦领队。

Headline	KPKM sahkan kerajaan batal konsesi Bernas		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	13 Oct 2023	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	52 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 111
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 332



KPKM sahkan kerajaan batal konsesi Bernas

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menge-sahkan kerajaan tidak menarik balik atau membatalkan konsesi Padiberas Nasional Bhd (Bernas) yang telah dipersetujui selama 10 tahun bermula 11 Jan 2021 hingga 10 Jan 2031.

Dalam kenyataan satu kenyataan menafikan dakwaan penarikan balik lesen beras Bernas yang tular di aplikasi WhatsApp pada Khamis, KPKM memaklumkan aduan telah dibuat kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) bagi membolehkan siasatan terperinci dijalankan. – Bernama

Headline	Mat Sabu: Jualan Agro Madini to be expanded		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	13 Oct 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	15	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	158 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,519
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,557



末沙布：昌明農市集將擴大 提供便宜多達30%食材

（吉隆坡12日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，政府将会扩大举行昌明农业市集，为消费人提供低于市场价格10至30%的食材。

他主持国家粮食安全政策执行委员会今年度第2次会议后发文告说，在会议中也讨论制定农业法令，以落实良好农业实践，如施肥和疾病控制。

开粮安政策执委会会议

“我们也建议制定肥料法令，以控制全国市场上的肥料质量。”

他指出，政府将会重新研究生物肥料和有机肥料，以增加稻米产量。

“我们会重新研究现有的氮磷钾（NPK）肥料补贴方式，建议加入微量营养元素，并考虑减少过量的氧化钾（K2O）含量。”

他说，定期每5年进行土壤分析，以评估国家每个稻米粮仓地区的pH值、氮磷钾镁含量和微量营养元素含量。

建议立法管制肥料质量

他指出，通过国家政府补贴计划，让农民在获得土壤改良和生物肥料方面的可持续农业技术方面更加便利，并根据环境、社会和治理（ESG）原则开发农业技术。

他指出，政府从今年至202拨款2亿5000万令吉进行2024年农业普查。

“会议中也了解国家乳业发展计划的情况，由Fresh Milk Ventures私人有限公司负责在玻璃市朱宾进行的综合奶牛场发展项目。”

他说，粮食安全是一项共同的责任，通过这个平台，在不久后召开的国家粮食安全政策内阁委员会，讨论上述建议。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2023	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

PELUASAN JUALAN AGRO MADANI ANTARA DIBINCANGKAN MESYUARAT DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA



KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) — Status pelaksanaan dan cadangan peluasan Jualan Agro MADANI dalam memastikan kemampuan dan ketersediaan bahan makanan kepada pengguna antara dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 2 Tahun 2023 hari ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan hari ini memaklumkan mesyuarat dipengerusikan beliau itu dianggotai pelbagai kementerian dan agensi, berperanan merangka cadangan hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik serta mencadangkan strategi dan pelan tindakan kerajaan menangani isu sekuriti makanan negara.

“Melalui platform ini, idea serta saranan yang diketengahkan dalam mesyuarat ini akan diperhalusi dan ditambah baik sebelum diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dijangka bersidang dalam masa terdekat.

“Selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara stabil dan mampan seiring dengan konsep *Food Security is a Shared Responsibility* (Keterjaminan Makanan Tanggungjawab Bersama),” menurut kenyataan itu.

Mohamad berkata inisiatif lain yang dibincangkan dalam mesyuarat itu adalah status cadangan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara menerusi Projek Pembangunan Ladang Tenusu Integrasi di Chuping, Perlis oleh Fresh Milk Ventures Sdn Bhd dan kajian semula penggunaan baja bio dan baja organik bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Turut dibincangkan, kajian semula formulasi baja nitrogen, fosforus dan kalium (NPK) subsidi sedia ada dengan cadangan memasukkan mikronutrien dan mempertimbangkan pengurangan kandungan *dipotassium oxide* (K₂O) yang berlebihan, serta pelaksanaan analisis tanah secara berkala iaitu lima tahun sekali untuk menilai pH, dan kandungan N-P-K-Mg dan mikronutrien di setiap kawasan jelapang padi negara.

“Penggubalan Akta Agrologis bagi memperkasakan program pengembangan dalam aspek amalan pertanian baik (seperti pembajaan dan kawalan penyakit) dan penggubalan Akta Baja untuk pengawalan kualiti baja di pasaran negara.

“Mermudah cara akses input agroteknologi mampan pemulih tanah dan biobaja yang dibangunkan dalam negara melalui Program Subsidi Kerajaan Kebangsaan dan

melaksanakan pembangunan agroteknologi selari dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)," katanya.

Inisiatif lain yang dibincangkan adalah status pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dengan peruntukan berjumlah RM230 juta bagi tempoh 2023 hingga 2025.

— BERNAMA

Kerajaan negeri mahu bantu isu pengeluaran beras

Tamboah kawasan penanaman padi di NS



Oleh ZAKKINA WATTI
AHMAD TARMIZI

SEREMBAN — Kerajaan Negeri Sembilan akan memulakan kawasan penanaman padi di Kampung Londa, Genuas, Parupio seterus 20 hektar dalam usaha meningkatkan pengeluaran beras sekilas pas pemuliharaan isu kebakaran belahan padi terhadap (DBT) tidak berlaku. Pengurusan Perhutani, Perhutani, Kerepotan Muda dan Seni Sabah dan Negeri Persekutuan (PNSN) bertujuan mengelakkan kawasan tanah yang masih dalam status tanah sisa tanah + lahan iaitu ‘mentanah’ untuk dilanjutkan kerjaya.

Penuluhan itu merangkumi pembinaan infrastruktur lalang, sistem pengairan, peralatan tarah, program peningkatan hasil padi dan program transformasi teknologi termasuk penggunaan dron bagi tunjuk perbaikan dan dren bagi tunjuk perbaikan. “Kita juga akan merwujudkan kawasan pembenihan padi bagi meningkatkan kualiti padi,” katanya pada Perasmian Dewan Sembilan di sini semalam. Beliau turut menyatakan bahawa Mohamad Hafidz Abu Jalaluddin

Baber (DPA-abu) yang buan taku sanca arah kawasan berod traktor rancangan strategik untuk membuka kawasan tanaman padi serta luaskan operasi padi. Ia memberi bantuan kepada rakyat tempatan. Semenjak itu, Jatahuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Port Dickson memberitahui, kerajaan penanaman padi di negeri itu kerja dalam seluas 12,600 hektar dan memerlukan tambahan 300 hektar. Katanya, tambahan itu bagi menjamin sajian padi di negeri ini mempunyai sumber dari dalam negeri.

1,200 pesawah terjejas kerana masalah jadual pelepasan air



SAMSUDIN MD. DESA memohonkan kendalian pihak air yang dipenuhi sampah tumpah Kubang Jambu, Sungai Petani

“Bau penanaman padi, sepanjangnya air perlu dibersihkan supaya ia bukan kerana apabila air belum kering hasil padi titik air,” katanya di sini semalam.

Ujarnya, sebahagian petani kerjaya di dalam kawasan terdapat kecemasan tentang petikan air tidak merupa, meninggung keruangan air pada tanah. Ketua Unit Perpaduan Kumpang Sungsang, Ahmad Sofyan Samsudin, berkata, jumlah pesawah yang terjejas kerana masalah jadual pelepasan air pada tahun ini adalah 1,200 pesawah pertubuhan RPL di kawasan Kumpang Sungsang, Kota Kulin, Muda Selatan, dan Kulin Muda dalam stil mendakwa kerajaan mengurangi jatah air di kawasan 2 terjejas secara jadih pelupusan air tidak segera seperti tahun lalu. Ketua Unit Perpaduan Kumpang Sungsang, Ahmad Sofyan Samsudin, berkata jumlah pesawah yang terjejas kerana masalah jadual pelepasan air pada tahun ini adalah 1,200 pesawah pertubuhan RPL di kawasan Kumpang Sungsang, Kota Kulin, Muda Selatan, dan Kulin Muda dalam stil mendakwa kerajaan mengurangi jatah air di kawasan 2 terjejas secara jadih pelupusan air tidak segera seperti tahun lalu. Menaruhnya, anggaran jadual pelupusan air tidak ada dan bukan merupakan air perlu air dilepaskan pun. Kan segera tempoh lagi belum.

Move to expand padi cultivation

SEREMBAN: The Negeri Sembilan government will expand padi cultivation at Londah in Gemas by about 20ha as a long-term measure to increase yield, the state assembly was told yesterday.

State Agriculture, Food Security and Cost of Living Committee chairman Datuk Seri Jalaluddin Alias said the state government will also establish more rice seed-producing areas to improve quality.

"We acknowledge that there is a shortage of local white rice, not only domestically but in some other countries too due to several factors, including rice export restrictions from India.

"Following that, we have put forward short, medium and long-term intervention measures to deal with the lack of local white rice supply in the future."

He was responding to a supplementary question from Mohamad Hanifah Abu Baker (PN-Labu), who wanted to know whether the state government has a strategic plan to open up more rice-growing areas and to ensure that locals were given priority to purchase local white rice.

Meanwhile, Jalaluddin said between Sept 20 and 26, the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) received 130 metric tonnes of local white rice, which was distributed to five Fama outlets throughout the state. — Bernama

Negri govt identifies 20ha plot in Gemas to plant padi

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: The Negri Sembilan government has identified a 20ha area in Kampung Londah, Gemas, to grow padi, says Datuk Seri Jalaluddin Alias.

The state rural development, plantation and commodities and agriculture, food security and cost of living committee chairman said this is part of measures taken by state authorities to increase rice production following the

shortage of local white rice. "We are also looking at growing padi on idle land in the state to address the slight shortage that we have been facing due to an increase in demand."

"I will be tabling a paper to the state exco on the other initiatives

through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), had also taken steps to replenish the supply of local white rice in areas experiencing such shortages.

Jalaluddin said that on Sept 20, a total of 20 tonnes were distributed, followed by 25 tonnes two days later, and another 60 tonnes on Sept 26.

He was replying to a question from Labu assemblyman Mohamad Hanifah Abu Baker during the state assembly sitting here yesterday.

He said the state government,

"The rice will be available at Fama's 16 Usahawan Agrobaazar soon," he said, adding that there is also a plan to build a mini rice mill in the state to ensure sufficiency for locals.

Jalaluddin reiterated that the shortage of rice is due to certain countries such as India, Vietnam, Cambodia and Thailand reducing their exports.

He said India alone had reduced its exports to Malaysia by some 40%.



in the state.

"The rice will be available at

soon," he said, adding that there is

also a plan to build a mini rice

mill in the state to ensure suffi-

cency for locals.

Jalaluddin

said that as a short-

term measure, more local white

rice

will be sent to seven districts

40%.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Petani kecewa jadual tidak seragam tanam padi tidak lepas air,

SUNGAI PETANI: Sekumpulan petani di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Muda Sehatan di Kota Kuala Muda disini, kecewa dengan sistem jadual pelepasan air yang didakwa tidak seragam dengan penanaman padi sehingga menjelaskan pengeluaran hasil sejak kebangkitan ini.

Ketua Unit Peladang Kampung Sungai Emas, Mohd. Yatim Ismail, 64, berkata, masalah itu melibatkan kawasan penanaman padi Kota 2 yang mempunyai seramai 1,200 petani dengan keluasan sawah seluas 1,800 hektar.

“Dianggarkan seramai 400 petani daripada beberapa buah kampung seperti Kampung Bukit Meriam, Kampung Paya, Kampung Sungai Yu, Kampung Permatang Kuala dan beberapa kampung lagi mengalami kerugian akibat tanaman padi mereka rosak.

“Masalah itu berlaku disebabkan waktu pelepasan air

yang tidak sistematik dan tidak seragam dengan jadual penanaman padi menyebabkan tanaman mereka rosak serta mereput,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mohd. Yatim berkata, situasi seperti itu membuatkan petani semakin tertekan kerana terpaksa menanggung kerugian apabila hasil daripada penanaman padi yang diusahakan tidak dapat dituai.

Katanya, mereka sudah beberapa kali membangkitkan isu itu sewaktu mesyuarat bersama jurutera daerah, namun belum ada sebarang tindakan produktif yang diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut.

“Mengikut jadual Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ketika ini, air dilepaskan selepas tempoh tiga bulan tapi bagi tanaman padi, sepatutnya air dilepaskan selepas dua bulan kerana apabila air belum kering hasil padi tidak dapat dituai dan menyebabkan padi mereput serta rosak,” katanya.

Sementara itu, seorang petani dari Kampung Bukit Meriam, Mohd.Fazirul Ismail, 39, meminta JPS lebih peka dengan jadual penanaman padi petani di kawasan itu supaya sistem pelepasan air dapat diseragamkan.



SAMSUDIN Md. Desa menunjukkan keadaan pintu air yang dipenuhi sampah sarap di Kampung Kubang Jambu, Kota Kuala Muda di Sungai Petani.

“JPS seharusnya ambil perhatian terhadap aduan dan masalah yang disuarakan oleh golongan petani kerana sektor ini menyumbang kepada pengeluaran beras yang merupakan makanan asas rakyat di negara ini,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
13/10/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	SURAT 24

Swasta dipelawa sertai projek IPR-INTAN

Kuala Lumpur: Program Usahawan Tani (INTAN) di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) akan diluaskan menerusi penyertaan syarikat swasta untuk menjadi rakan strategik melalui Permintaan untuk Cadangan (RFP).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata satu sesi saringan idea dan pembentangan sudah dibentangkan dan panel penilai boleh mendengar dan bertanyakan soalan berkenaan idea yang disampaikan.

"Kementerian Ekonomi memperuntukkan RM100 juta tahun ini untuk pelaksanaan projek IPR-INTAN secara RFP oleh syarikat swasta terpilih."

"Inisiatif ini akan dilaksanakan oleh tujuh Pihak Berkuasa Koridor (PBK) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang bertanggungjawab menguruskan keseluruhan proses RFP," katanya dalam satu hantaran di laman sosialnya semalam.

Pelaksanaan projek IPR-INTAN bertujuan meningkatkan keberkesanannya, pembasman kemiskinan dan menambah pendapatan rakyat, selain meningkatkan kemanfaan bekalan makanan serta membantu usaha mengawal harga makanan di pasaran.

Projek pertanian yang boleh diusahakan adalah tanaman



Pelaksanaan projek IPR-INTAN menambah pendapatan rakyat serta meningkatkan kemanfaan bekalan makanan.

(Foto hiasan)

dan Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat itu menggunakan sebanyak 40,000 polibeg cili fertigasi dan dijangka akan memperoleh hasil sebanyak 100 tan metrik dalam tempoh sebulan.

Usaha menerusi kerjasama


Lembaga Pertubuhan Peladang

tanah berkeluasan 4,0469 hektar mula ditanam dengan tanaman cili fertigasi dan dijangka memperoleh hasil dalam tempoh sebulan.

Usaha menerusi kerjasama

Lembaga Pertubuhan Peladang

Headline	Menyemai inisiatif keterjaminan makanan yang lebih dinamik		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	13 Oct 2023	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	7	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	473 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,005
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,015



Menyemai inisiatif keterjaminan makanan yang lebih dinamik

KETERJAMINAN makanan menjadi keimbangan di peringkat nasional dan global. Menurut Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada tahun 2022, antara 691 dan 783 juta orang di seluruh dunia mengalami kelaparan, dan majoriti merupakan penduduk Asia, manakala 425 juta orang di Asia dianggarkan mengalami kekurangan zat makanan.

Meskipun Malaysia merupakan antara negara pengeluar minyak sawit dan beras tertinggi di Asia, negara kita masih menunjukkan arah aliran yang tidak stabil dalam keterjaminan makanan. Berdasarkan Indeks Makanan Keterjaminan Global (GSFI), pada tahun 2022 Malaysia menduduki tempat ke-41 daripada 113 negara iaitu penurunan sebanyak tujuh tangga berbanding kedudukan tahun 2021.

Oleh itu, demi mengatasi masalah di atas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menjenamakan semula Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Untuk menangani isu keterjaminan makanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah memperkenalkan dua dasar iaitu Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agro-Makanan Negara 2021-2030.

Kedua-dua dasar di atas menekankan tiga aspek penting yang boleh meningkatkan keterjaminan makanan Malaysia yakni mengurangkan tahap import dan eksport makanan, meningkatkan pertanian domestik dan meningkatkan pengeluaran komoditi. Walaupun Malaysia melaksanakan dua dasar yang komprehensif untuk menangani masalah keterjaminan makanan, Malaysia masih mengalami penurunan tujuh anak tangga daripada tahun sebelumnya dalam penarafan GSFI.

Justeru, terdapat tiga aspek penting untuk menambah baik GSFI Malaysia dan mengurangkan isu keterjaminan makanan.

Strategi pertama ialah mengurangkan import makanan pada produk terpilih. Sebagai contoh, produk ayam, Nisbah sara diri (SSR) telur ayam Malaysia adalah lebih daripada 100 peratus, dan hampir 100 peratus untuk daging ayam. Meskipun mempunyai SSR yang tinggi, jumlah ayam yang diimport meningkat sebanyak 30 peratus daripada 7,800 tan pada Mei kepada 10,200 tan pada Jun 2022 selepas permit kebenaran import dimansuhkan. Dalam erti kata lain, rakyat Malaysia makan ayam lebih dari yang sepatutnya.

Urusniaga import akan melibatkan mata wang tempatan (Ringgit Malaysia) dan mata

wang asing, kadar pertukaran mata wang bakal meningkat. Apabila Malaysia aktif melakukan urusniaga import, pertukaran mata wang yang tinggi juga berlaku, dan aliran mata wang Ringgit Malaysia keluar adalah lebih tinggi. Perkara ini akan mengakibatkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia secara berperingkat berbanding semua mata wang lain.

Strategi kedua ialah mengurangkan eksport makanan. Padi penting untuk keterjaminan makanan Malaysia kerana nasi merupakan makanan ruji bagi kebanyakan rakyat Malaysia.

Menurut Institut Penyelidikan Khazanah, rakyat Malaysia mengambil purata 2.5 pinggan nasi setiap hari. Akibatnya, dari tahun 2000 hingga 2016, pengeluaran beras meningkat sebanyak 1.6 peratus. Bagaimanapun, penggunaan beras Malaysia sentiasa mengatasi pengeluaran beras. Untuk rekod, nisbah SSR bagi beras di Malaysia juga menunjukkan penurunan, iaitu 62.90 peratus pada tahun 2022 berbanding 71.60 peratus pada tahun 2014.

Meskipun begitu, Malaysia masih mempunyai jumlah eksport padi yang tinggi, USD41.6 juta. Ketika Malaysia memperkenalkan Rancangan Malaysia Ke-8 yang memberi tumpuan kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan, arah aliran pengurangan pengeluaran padi menjadi lebih ketara. Ini mengakibatkan keterjaminan makanan berada pada paras yang kurang memuaskan, dan Malaysia terpaksa mengurangkan eksport untuk meningkatkan pengeluaran padi bagi memenuhi penggunaan tempatan.

Strategi ketiga tertumpu kepada sistem bandar dan teknologi tinggi untuk meningkatkan produktiviti makanan. Berdasarkan GSFI, Singapura berada pada kedudukan ke-28 walaupun keluasan tanahnya yang jauh kecil berbanding Malaysia. Sebagai perbandingan, keluasan Singapura hanyalah 719 kilometer persegi iaitu lebih kecil daripada keluasan negeri Perlis yang mempunyai keluasan 819 kilometer persegi.

Pada 2019, mereka melancarkan kempen 30 hingga 30. Ini adalah satu usaha untuk meningkatkan kapasiti sektor makanan pertanian bagi memenuhi 30 peratus permintaan pemakanan global secara mampan menjelang 2030.

Matlamatnya adalah untuk menubuhkan pusat teknologi pertanian bandar. Antara strategi dalam inisiatif 30 hingga 30 adalah pencahayaan LED berbilang tingkat dalam dan sistem akuakultur peredaran semula, Ladang Ikan Terapung Pintar

Teknologi Akuakultur Singapura yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk mengesas pertumbuhan dan kesihatan ikan, dan Sky Greens yang menggunakan sistem berdasarkan peringkat berputar yang mengoptimalkan penyerapan cahaya dan air untuk menghasilkan sayur-sayuran berdaun. Dengan acanya sistem bandar berteknologi tinggi ini boleh meningkatkan pengeluaran agromakanan.

Malaysia turut meluncurkan inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan menggunakan teknologi tinggi. Di majlis peluncuran Ekonomi Madani, PMX telah menyatakan komitmen kerajaan untuk menyediakan geran sebanyak RM200 juta melalui Agrobank bagi membantu menyediakan kemudahan pembiayaan khususnya bagi aplikasi teknologi moden pertanian.

Selain itu, baru-baru ini, Khazanah Nasional Bhd menganjurkan Cabaran Impak Inovasi Khazanah (KIIC) 2023 yang bertemakan, "Menangani Cabaran Iklim demi Keterjaminan Makanan di Malaysia". Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd berkata melalui KIIC 2023 ini, Khazanah Nasional dapat menawarkan sokongan yang diperlukan dan ini merupakan salah satu platform bagi menarik modal untuk menjana penyelesaian yang inovatif dan mampan.

Kesimpulannya, untuk menangani isu keterjaminan makanan di Malaysia, kerajaan harus mengkaji semula dasar keterjaminan makanan semasa dan mempertimbangkan bagaimana import, eksport dan sistem teknologi tinggi bandar boleh membantu. Sebagai tambahan kepada tiga aspek utama, adalah penting untuk menarik pakar yang juga komited mengenai sektor pertanian. Tanpa pakar, pelaburan untuk setiap sektor akan gagal, sama seperti pelaburan yang lain.

Oleh itu, kerajaan perlu memberi inspirasi dan menarik minat generasi muda supaya mereka bekerja bersama dan mengenali potensi sektor pertanian. Apabila lebih ramai petani mendapat keuntungan daripada operasi pertanian mereka, mereka akan meningkatkan produktiviti pertanian dan seterusnya menangani masalah keterjaminan makanan. – Bernama

■ Penulis Dr Adilah A. Wahab ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya. (Semua yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pendapat penulis dan tidak menggambarkan dasar atau pendirian rasmi).